

BAB ENAM

MAF'UL LAH

6.0. Pengenalan

Bab ini membicarakan definisi maf'ul lah, fungsi maf'ul lah, agen yang menasabkan maf'ul lah, keadaan maf'ul lah, syarat-syarat maf'ul lah, dan bentuk maf'ul lah.

6.1. Definisi

Maf'ul lah adalah masdar yang menerangkan sebab berlakunya sesuatu kata kerja. Ia berkongsi dengan kata kerja dari sudut pelakunya dan dari sudut masa berlaku. Maf'ul lah juga boleh ditakrifkan sebagai sesuatu kata kerja itu berlaku adalah dengan sebabnya.¹ Ia juga dikenali sebagai

maf'ul li-ajlih² atau maf'ul min ajlih.³ Sebagai contohnya ⁴ (وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ)

(خَشِيَّةٌ إِمْلَاقٍ) (Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana

¹ Tilb, Juz. 2, ms. 111; al-Ra'iniy, ms. 359; Babsiy, Juz. 2, ms. 1038; Muhammad 'Ali 'Ifsy, ms. 174.

² al-Ra'iniy, ms. 359; Tilb, Juz. 2, ms. 111.

³ al-Azhariy, Juz. 1, ms. 334; al-Sabban, Juz. 1, ms. 122.

⁴ Surah al-Isra', ayat 31.

takutkan kepapaan). Kata nama **خَشِيَّةٌ** (kerana takut) adalah maf'ul lah yang menerangkan kenapa berlakunya kata kerja **تَقْتُلُوا** (kerana membunuh).

Yang dimaksudkan maf'ul lah ini berkongsi dengan kata kerja dari sudut pelakunya ialah pelaku kepada kata kerja **قَتَلَ** iaitu **وَأَوَّاجِمَاعَةٍ** juga merupakan pelaku kepada kata nama **خَشِيَّةٌ** yang mengandungi makna kata kerja **تَخَشَّوْنَ**. Manakala yang dimaksudkan bahawa maf'ul lah ini berkongsi dengan kata kerja dari sudut masa ialah kata kerja **قَتَلَ** berlaku serentak dengan kata nama **خَشِيَّةٌ** yang mengandungi makna kata kerja **تَخَشَّوْنَ**. Ia tidak berlaku pada masa yang berasingan di antara kata kerja **قَتَلَ** dan kata nama **خَشِيَّةٌ** yang mengandungi makna kata kerja **تَخَشَّوْنَ**.¹

¹ Tilb, Juz. 2, ms. 111; Amin 'Aliy al-Sayyid, ms. 305.

6.2. Fungsi Maf'ul Lah

Ia menerangkan sebab berlakunya sesuatu perbuatan.

Contohnya سَافَرْتُ إِلَى مِصْرَ طَلَبًا لِلْعِلْمِ (aku belayar ke Mesir untuk menuntut ilmu). Kata nama طَلَبًا adalah maf'ul lah yang berfungsi sebagai penerang sebab berlakunya perbuatan سَافَرْتُ.

6.3. Agen Yang Menasabkan Maf'ul Lah

Agen yang menasabkan maf'ul lah ialah kata kerja atau kata nama yang berperanan sebagai kata kerja. Penerangannya adalah seperti berikut:

a) Kata kerja

Contohnya جِئْتُ رَغْبَةً فِي الْعِلْمِ¹ (Aku datang kerana gemarkan ilmu). Kata nama رَغْبَةً adalah maf'ul lah yang dinasabkan oleh kata kerja جِئْتُ yang disebut terdahulu darinya.

¹ Tilb, Juz. 2, ms. 117

(b) Kata nama yang berperanan kata kerja antaranya:

(i) Masdar (المَصْدَر).

Contohnya ¹ لُزُومُ الْبَيْتِ طَلَبَ الرَّاحَةَ ضَرُورَةً بَعْدَ الْعَمَلِ الشَّاقِّ (Berada di rumah

untuk mendapatkan kerehatan adalah merupakan suatu keperluan selepas melakukan sesuatu pekerjaan berat). Kata nama طَلَبَ adalah maf'ul lah yang

dinasabkan oleh masdar لُزُومُ yang disebut terdahulu darinya.

(ii) Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ).

Contohnya ² زَيْدٌ مُجْتَهِدٌ طَلَبَ التَّفَوُّقَ (Zayd berusaha bersungguh-sungguh

kerana memperolehi kecemerlangan). Kata nama طَلَبَ adalah maf'ul lah

yang dinasabkan oleh kata nama pelaku مُجْتَهِدٌ yang disebut terdahulu darinya.

¹ al-Rajhiy, ms. 237.

² Ibid.

(iii) Kata nama objek atau penyambut (إِسْمُ الْمَفْعُولِ).

Contohnya ¹هُوَ مَحْبُوبٌ إِكْرَامًا لِأَخِيهِ (Ia disayangi kerana menghormati saudaranya). Kata nama إِكْرَامًا adalah maf'ul lah yang dinasabkan oleh kata nama objek atau penyambut مَحْبُوبٌ yang disebut terdahulu darinya.

(iv) Pola kepalingan (صَيْغُ الْمُبَالِغَةِ).

Contohnya ²هُوَ مِقْدَامٌ فِي الْحَرْبِ طَلَبًا لِلشَّهَادَةِ أَوِ النَّصْرِ (Dia bersegera menyertai peperangan untuk mati syahid ataupun untuk mendapat kemenangan). Kata nama طَلَبًا adalah maf'ul lah yang dinasabkan oleh pola kepalingan مِقْدَامٌ yang disebut terdahulu darinya.

(v) Kata nama kerja (إِسْمُ الْفِعْلِ).

Contohnya ³صَهٌ إِجْلَالًا لِلْقُرْآنِ (Senyap kerana menghormati al-Qur'an al-Karim). Kata nama إِجْلَالًا adalah maf'ul lah yang dinasabkan oleh kata

¹ al-Rajhiy, ms. 238.

² Ibid.

³ al-Rajhiy, ms. 238.

nama kerja suruhan *صَه* yang seerti dengan kata kerja suruhan *أَسْكُتْ* yang bermakna senyap.

Pada pendapat penulis agen asal yang menasabkan maf'ul lah adalah masdar (*الْمَصْدَرُ*). Ini adalah berdasarkan kepada bahawa masdar adalah asal kepada kata nama isytiqاق mengikut pendapat ahli nahu Basrah. Ahli nahu Basrah berpandangan sedemikian kerana masdar mengandungi makna kata kerja yang tak terikat dengan masa (*مُطْلَقٌ*). Adapun kata kerja terikat dengan masa (*مُقَيَّدٌ*). Oleh kerana (*مُطْلَقٌ*) asal kepada (*مُقَيَّدٌ*) maka masdar adalah asal kepada kata nama isytiqاق (*اِشْتِقَاقٌ*).¹

Seterusnya kata nama pelaku (*اِسْمُ الْفَاعِلِ*) kata nama objek (*اِسْمُ الْمَفْعُولِ*) pola kepalangan (*صِيغَةُ الْمُبَالَغَةِ*) kata nama kerja (*اِسْمُ الْفِعْلِ*) kesemuanya mengandungi makna kata kerja. Oleh itu masdar (*الْمَصْدَرُ*) adalah agen asal yang menasabkan maf'ul lah.

¹ al-Nammas, ms. 32; al-Makhzumi, ms. 103; al-Suhayliy, ms. 53.

Diharuskan membuang agen yang menasabkan maf'ul lah ketika terdapatnya petunjuk (قَرِينَةٌ) yang boleh menerangkan agen yang dibuang. Contohnya ¹بُعْدًا عَنِ الضَّوْضَاءِ (Kerana menjauhi dari kebisingan). Dalam ayat di atas kata nama (بُعْدًا) adalah maf'ul lah. Manakala agen yang menasabkan maf'ul lah yang dibuang adalah kata kerja (قَصَدَ). Agen ini boleh difahami melalui persoalan yang berbunyi ²لِمَ قَصَدْتَ الضَّوْاحِي؟ (Kenapa engkau tinggal atau menuju ke kampung?).

Bagi setiap agen hanya satu maf'ul lah. Oleh itu tidak sah bagi satu agen itu lebih dari satu maf'ul lah. Contohnya ³وَلَا تُمْسِكُوهُمْ ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوا (Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula) dengan maksud memberi mudarat, kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka)). Kata nama ضِرَارًا adalah maf'ul lah. Manakala agen yang menasabkan maf'ul lah dalam ayat suci al-Qur'an di atas ialah kata kerja تُمْسِكُوا. Walau bagaimanapun diharuskan mewujudkan badal (الْبَدَلُ) bagi

¹ Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 241.

² Ibid, Juz. 2, ms. 241.

³ Surah al-Baqarat, ayat 231.

maf'ul lah sebagaimana contoh ayat suci al-Qur'an di atas. Iaitu ayat لَتَعْتَدُوا (لَتَعْتَدُوا) mempunyai hubungan (مُتَعَلِّقٌ) dengan kata nama ضِرَارًا di atas dasar ia sebagai badal¹ (الْبَدَلُ). Seterusnya diharuskan mewujudkan gandingan (الْعَطْفُ) bagi maf'ul lah. Contohnya kata-kata Sayyidina Ali k.w.

لَا تَلْتَقِي بِدَمِّهِمُ الشَّفَتَانِ إِسْتِصْعَارًا لِقَدْرِهِمْ وَدَهَابًا عَنْ ذِكْرِهِمْ² (Tidak berjumpa dua bibir mulut hanya semata-mata untuk memperkecil-kecilkan keupayaan mereka dan terus pergi tanpa mengingati mereka). Kata nama إِسْتِصْعَارًا adalah maf'ul lah. Manakala agen yang menasabkannya ialah kata kerja تَلْتَقِي kata nama دَهَابًا pula merupakan gandingan (الْعَطْفُ) kepada kata nama إِسْتِصْعَارًا yang berfungsi sebagai maf'ul lah dalam ayat di atas.

6.4. Keadaan Maf'ul Lah

6.4.1. Diharuskan tidak menyebut maf'ul lah ketika terdapatnya petunjuk (قَرِينَةٌ) yang boleh menerangkan maf'ul lah yang dibuang.

¹ Babtij: Juz. 2, ms. 1040.

² Muhammad 'Abduh, Juz. 2, ms.12

الأبُّ يَسْنَهُرُ عَلَى تَرْبِيَةِ أَوْلَادِهِ فَتَجِبُ إِطَاعَتُهُ شُكْرًا وَاحْتِرَامُهُ مَحَبَّةً وَإِجْلَالُهُ¹ Contohnya

(Bapa berjaga malam untuk mendidik anak-anaknya, maka wajiblah ke atas anak-anaknya mentaati bapa mereka kerana berterima kasih, menghormati, sayang dan memuliakan bapa mereka). Maf‘ul lah yang dibuang dalam ayat di atas ialah (مَحَبَّةً). Jika dikembalikan maf‘ul lah ayat ini akan berbunyi

الأبُّ يَسْنَهُرُ عَلَى تَرْبِيَةِ أَوْلَادِهِ فَتَجِبُ إِطَاعَتُهُ شُكْرًا وَاحْتِرَامُهُ مَحَبَّةً وَإِجْلَالُهُ² مَحَبَّةً²

Maka dibuang (مَحَبَّةً) yang kedua kerana (مَحَبَّةً) yang pertama yang datang selepas kata nama (احْتِرَامُهُ) boleh mewakili (مَحَبَّةً) yang kedua. Dalam masa yang sama pembuangan (مَحَبَّةً) yang kedua tidak mencatatkan makna serta ayat tersebut boleh difahami dengan jelas.

6.4.2. Diharuskan mendahulukan maf‘ul lah dari agennya, sama ada maf‘ul lah tersebut mansub (مَنْصُوبٌ) ataupun majrur (مَجْرُورٌ). Bagi yang mansub contohnya طَلَبًا لِلنُّزْهَةِ رَكِبْتُ الْبَاخِرَةَ³ (Kerana bersiar-siar aku menaiki kapal). Kata nama (طَلَبًا) dalam ayat di atas adalah maf‘ul lah yang

¹ Babtuy, Juz. 2, ms. 1039.

² Ibid.

³ Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 241.

didahulukan dari agen yang menasabkannya iaitu kata kerja (رَكِبَ). Pada asalnya ayat ini berbunyi رَكِبْتُ الْبَاحِرَةَ طَلَبًا لِلنُّزْهَةِ¹ (Aku menaiki kapal kerana bersiar-siar). Bagi yang majrur contohnya لِإِحْتِرَامِ الْمُعَلِّمِ وَقَفَ التَّلَامِيذُ² (Untuk memberi penghormatan terhadap guru murid-murid berdiri). Kata nama (إِحْتِرَامٌ) dalam ayat di atas adalah maf'ul lah yang didahulukan dari agennya iaitu kata kerja (وَقَفَ). Pada asalnya ayat ini berbunyi وَقَفَ التَّلَامِيذُ لِإِحْتِرَامِ الْمُعَلِّمِ (Murid-murid berdiri untuk memberi penghormatan kepada guru).

6.5. Bentuk Maf'ul Lah

Maf'ul lah terbahagi kepada tiga bentuk:³

- (i) Maf'ul lah yang tidak disertai oleh أَلٌ dan bukan mudaf (مُضَافٌ).

Contohnya رُيِّنَتْ الْمَدِينَةُ إِكْرَامًا لِلْقَادِمِ⁴ (Bandar itu dihiasi kerana meraikan pengunjung). Kata nama إِكْرَامًا adalah maf'ul lah yang menerangkan kenapa

¹ Ibid.

² Babtiy, Juz. 2, ms. 1040.

³ Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 237.

⁴ al-Diqr ms. 360.

kata kerja زُيِّنَتْ dilakukan. Perkataan إِكْرَامًا boleh dibaca dalam dua bentuk sama ada nasab seperti contoh di atas atau dibaca dengan partikel jar 'لِ' yang menerangkan sebab (تَعْلِيلًا) iaitu الْقَادِمُ إِلَيْكَ رَامٌ¹ (Bandar itu dihiasi kerana menyambut pengunjung). Dalam konteks ini bacaan nasab diutamakan disebabkan bacaan nasab lebih menjuruskan ke arah fungsinya sebagai maf'ul lah secara langsung² (مُبَاشَرَةً).

(ii) Maf'ul lah yang disertai oleh "أَلْ".

Contohnya حَضَرْتُ الْإِسْتِطْلَاعَ عَنْ صِحَّةِ الْوَالِدِ³ (Aku datang untuk meninjau kesihatan bapa). Kata nama الْإِسْتِطْلَاعَ adalah maf'ul lah yang menerangkan kenapa kata kerja حَضَرَ dilakukan. Kata nama الْإِسْتِطْلَاعَ boleh dibaca dalam dua bentuk sama ada nasab seperti contoh di atas atau dibaca dengan partikel jar لِ yang menerangkan sebab (تَعْلِيلًا). Contohnya حَضَرْتُ⁴

¹ Ibid.

² Babtiy, Juz. 2, ms. 1039.

³ Babtiy, Juz. 2, ms. 1039.

⁴ Ibid.

لِاسْتِطْلَاعٍ عَنِ صِحَّةِ الْوَالِدِ (Aku datang untuk meninjau kesehatan bapa). Dalam konteks ini bacaan dengan partikel jar diutamakan.¹

(iii) Maf‘ul lah yang merupakan mudaf (مُضَافٌ) seperti

أَسْأَلُ الْحَبِيرَ قَصْدَ الْإِسْتِشَادِ² (Aku bertanya orang yang berpengalaman untuk mendapat nasihat). Kata nama قَصْدَ adalah maf‘ul lah yang menerangkan kenapa kata kerja أَسْأَلُ dilakukan. Kata nama قَصْدَ ini pula diidafatkan dengan kata nama الْإِسْتِشَادِ. Perkataan قَصْدَ boleh dibaca dalam dua bentuk sama ada nasab seperti contoh di atas atau dibaca dengan partikel jar ‘لِ’ yang menerangkan sebab (تَعْلِيلٌ). Contohnya³ أَسْأَلُ الْحَبِيرَ لِقَصْدِ الْإِسْتِشَادِ³ (Aku bertanya orang yang berpengalaman bertujuan untuk mendapat nasihat). Jenis ini bacaan nasab sama-sama dititikberatkan dengan bacaan jar.⁴

¹ Ibid.

² Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 236.

³ Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 236.

⁴ Babtuy, Juz. 2, ms. 1039

6.6. Syarat-syarat Maf'ul Lah.

Kata nama yang berfungsi sebagai maf'ul lah perlu memenuhi lima syarat berikut.¹

(i) Ia berbentuk masdar (مَصْدَرٌ). Ini adalah disebabkan masdar boleh menerangkan mengapa sesuatu kata kerja dilakukan atau berlaku. Ada pun kata nama yang lain, selain dari masdar sama sekali tidak boleh menerangkan kenapa sesuatu kata kerja dilakukan.

Sebagai contohnya قُمْتُ لِإِجْلَالٍ لِإِسْتَاذِي² (Aku berdiri kerana memberi penghormatan kepada guruku). Kata nama إِجْلَالٍ adalah maf'ul lah yang menerangkan kenapa kata kerja قَامَ berlaku. Ia adalah masdar. Sekiranya kata nama tersebut bukan masdar ia tidak boleh berfungsi sebagai maf'ul lah. Contohnya جِئْتُكَ التَّوْبُ³ (Aku datang menjumpai engkau pakaian). Kata nama التَّوْبُ tidak boleh berfungsi sebagai maf'ul lah kerana ia tidak boleh menerangkan kenapa kata kerja جَاءَ berlaku.

¹ al-Azhariy, Juz. 1, ms. 334.

² al-Rajhiy, ms. 236.

³ Tilb, Juz. 2, ms. 111.

(ii) Masdar yang berfungsi sebagai maf'ul lah hendaklah membawa makna kata kerja yang dilakukan oleh hati perasaan. Sebagai contohnya $\text{جِئْتُكَ رَغْبَةً فِي الْعِلْمِ}^1$ (Aku datang menjumpai engkau kerana gemarkan ilmu).

Kata nama رَغْبَةً adalah masdar yang mengandung makna kata kerja yang tercetus dari hati sanubari. Ia adalah maf'ul lah yang menerangkan kenapakah kata kerja جَاءَ berlaku. Sekiranya masdar yang hanya mengandung makna kata kerja yang dihasilkan oleh anggota tubuh badan, masdar tersebut tidak boleh dijadikan sebagai maf'ul lah. Sebagai contohnya $\text{جِئْتُكَ قِرَاءَةً لِلْعِلْمِ}^2$ (Aku datang menjumpai engkau untuk membaca bagi mendapat ilmu). Kata nama قِرَاءَةً tidak berfungsi sebagai maf'ul lah kerana ia mengandung makna kata kerja yang hanya dihasilkan oleh anggota tubuh badan, bukannya dihasilkan oleh gerakan hati.

(iii) Masdar yang dijadikan sebagai maf'ul lah boleh menerangkan kenapakah sesuatu kerja yang datang sebelumnya berlaku.

¹ Tilb, Juz. 2, ms. 111.

² Tilb, Juz. 2, ms. 111.

Contohnya تَأْدِيًّا¹ إِنِّي ضَرَبْتُ (Aku memukul anakku kerana memberi pengajaran kepadanya) Kata nama تَأْدِيًّا adalah maf'ul lah yang menerangkan mengapa kata kerja ضَرَبْتُ dilakukan. Sekiranya kata nama tersebut tidak boleh menerangkan kenapakah kata kerja yang datang sebelum darinya dilakukan maka kata nama itu tidak boleh dijadikan sebagai maf'ul lah. Sebagai contohnya عَبَدْتُ اللَّهِ عِبَادَةً² (Aku memang menyembah Allah). Kata nama عِبَادَةً tidak berfungsi sebagai maf'ul lah kepada kata kerja عَبَدْتُ. Ini adalah disebabkan ia tidak boleh menerangkan sebab berlakunya kata kerja عَبَدْتُ. Malah ia hanya boleh menyakinkan pendengar bahawa kata kerja عَبَدْتُ memang benar-benar berlaku. Oleh itu ia berfungsi sebagai maf'ul mutlaq.

(iv) Masdar yang hendak dijadikan sebagai maf'ul lah hendaklah berlaku serentak dengan kata kerja yang datang sebelumnya. Contohnya جِئْتُكَ رَغْبَةً فِي لِقَائِكَ³ (Aku datang kerana ingin berjumpa engkau). Kata nama

¹ al-Namir, ms. 107.

² Babtij, Juz. 2, ms. 1039.

³ Tilb, Juz. 2, ms. 112.

رَغْبَةً berfungsi sebagai maf'ul lah kepada kata kerja جَاءَ. Ini adalah disebabkan kata nama رَغْبَةً yang mengandung makna kata kerja رَغِبَ berlaku dalam masa yang sama dengan kata kerja جَاءَ. Sekiranya kata nama yang mengandung makna kata kerja, berlaku dalam masa yang berasingan dengan kata kerja tersebut, kata nama tersebut tidak boleh dijadikan sebagai maf'ul lah. Sebagai contohnya جِئْتُكَ الْيَوْمَ لِإِكْرَامٍ غَدًا¹ (Aku datang pada hari ini untuk memuliakan engkau pada hari esok). Kata nama إِكْرَامٌ tidak berfungsi sebagai maf'ul lah kepada kata kerja جَاءَ. Ini adalah disebabkan kata nama إِكْرَامٌ yang mengandung makna kata kerja أَكْرَمَ berlaku dalam masa yang berasingan dengan kata kerja جَاءَ. Dimana kata kerja جَاءَ berlaku pada hari ini manakala kata nama إِكْرَامٌ yang mengandung makna kata kerja أَكْرَمَ berlaku pada hari esok.

(v) Masdar yang hendak dijadikan sebagai maf'ul lah, hendaklah dilakukan oleh individu yang melakukan kata kerja yang datang

¹ al-Diqr, ms. 360.

sebelumnya. Contohnya فَعَدْتُ عَنِ الْحَرْبِ جَبْنًا¹ (Aku tidak menyertai peperangan kerana takut). Kata nama جَبْنًا adalah maf'ul lah kepada kata kerja فَعَدْتُ. Ini adalah disebabkan kata nama جَبْنًا yang mengandungi makna kata kerja جَبَنَ, dilakukan oleh individu yang melakukan kata kerja فَعَدَ. Iaitu kata gatinama yang berhubung تُ. Sekiranya kata nama tersebut tidak dilakukan oleh individu yang sama dengan individu yang melakukan kata kerja yang datang sebelum darinya, maka kata nama tersebut tidak boleh dijadikan sebagai maf'ul lah. Contohnya جِئْتُكَ مَحَبَّةً إِيَّايَ² (Aku datang kepada engkau kerana kasih sayang engkau terhadap aku). Kata nama الْمَحَبَّةُ tidak boleh berfungsi sebagai maf'ul lah kepada kata kerja جَاءَ. Ini adalah disebabkan kata kerja جَاءَ dilakukan oleh kata ganti nama berhubung تُ, manakala kata nama الْمَحَبَّةُ yang mengandungi makna kata kerja أَحَبَّ dilakukan oleh kata ganti nama yang tersembunyi iaitu أَنْتَ.

¹ Tilb, Juz. 2, ms. 112.

² Ibid.

6.7. Kesimpulan

Agen yang menasabkan maf'ul lah ialah kata kerja dan kata nama yang berperanan kata kerja. Iaitu masdar (مَصْدَرٌ), kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ), kata nama objek (اسْمُ الْمَفْعُولِ), pola kepalingan (صِيغَةُ الْمُبَالَغَةِ) dan kata nama kerja (اسْمُ الْفِعْلِ). Diharuskan membuang agen yang menasabkan maf'ul lah ketika terdapatnya petunjuk (قَرِينَةٌ) yang boleh menerangkan agen yang dibuang. Seterusnya bagi setiap agen hanya satu maf'ul lah sahaja.

Maf'ul lah terbahagi kepada dua keadaan. Pertama diharuskan tidak menyebut maf'ul lah ketika terdapatnya petunjuk (قَرِينَةٌ) yang boleh menerangkan maf'ul lah yang dibuang. Kedua diharuskan mendahulukan maf'ul lah dari agennya. Maf'ul lah terbahagi kepada tiga bentuk. Pertama maf'ul lah yang tidak disertai oleh اَلٌ dan bukan mudaf (مُضَافٌ). Kedua maf'ul lah yang disertai oleh اَلٌ dan ketiga maf'ul lah yang merupakan mudaf (مُضَافٌ) .

Seterusnya kata nama yang berfungsi sebagai maf'ul lah perlu memenuhi lima syarat. Pertama berbentuk masdar (مَصْدَرٌ). Kedua masdar tersebut hendaklah membawa makna kata kerja yang dilakukan oleh hati perasaan. Ketiga masdar tersebut boleh menerangkan kenapakah sesuatu kata kerja yang datang sebelumnya berlaku. Keempat masdar tersebut hendaklah berlaku serentak dengan kata kerja yang datang sebelumnya dan kelima masdar tersebut hendaklah dilakukan oleh individu yang melakukan kata kerja yang datang sebelumnya. Dari sudut semantik terdapat perbezaan di antara kata kerja yang dilakukan oleh hati perasaan dengan kata kerja yang dilakukan oleh anggota tubuh badan.